



Angkara

Rahmat Subadah

Panduan Pengajaran dan Pembelajaran

Angkara

Rahmat Subadah

PENGENALAN

Berikut merupakan saranan aktiviti pembelajaran untuk mencapai objektif pelajaran yang dirancang. Dalam aktiviti yang disarankan, pelajar terlibat dalam pengalaman pembelajaran perbincangan untuk meneliti dan memperdalam pemahaman mereka mengenai cerpen 'Angkara'. Dalam aktiviti yang disarankan juga, pelajar berpeluang untuk berbincang dan menyampaikan pandangan serta pemikiran mereka. Aktiviti pembelajaran utama yang digunakan ialah Jigsaw.



Langkah 1:
Pembentukan Kumpulan Rumah

Langkah 2:
Pembentukan Kumpulan Pakar


Langkah 3:
Kumpulan Pakar Mengajar Kumpulan Rumah

Langkah 4:
Kumpulan Rumah Menyiapkan Tugas

OBJEKTIF PELAJARAN	<p>Pada akhir pelajaran, pelajar dapat:</p> <ul style="list-style-type: none">• berbincang tentang mesej utama cerpen;• memberikan pendapat tentang isu-isu masyarakat yang terdapat dalam cerpen; dan• menyampaikan hasil kerja kumpulan.
---------------------------	--

LANGKAH-LANGKAH

(Pelajaran ini menggunakan platform SLS: Pembelajaran Teradun (HBL + Pembelajaran di Sekolah)

Aktiviti Pembelajaran	Catatan
1. Guru membina pelajaran menggunakan templat Pengalaman Pembelajaran Perbincangan dalam SLS.	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelajaran di rumah - HBL (Asynchronous) • Pelajar belajar secara sendiri di ruang SLS dan membina perspektif mengenai cerpen yang dibaca
2. Guru memberikan tugas dalam SLS dan meminta pelajar membaca cerpen 'Angkara' secara sendiri dalam talian.	
3. Guru menyediakan soalan respons bebas dan pelajar memberikan pandangan tentang cerpen 'Angkara' berdasarkan soalan yang diberikan oleh guru dalam SLS.	
4. Guru juga meminta pelajar menyatakan isu masyarakat yang mereka kenal pasti dalam cerpen 'Angkara' dalam SLS.	
5. Guru meminta pelajar meneliti respons yang diberikan oleh rakan-rakan dalam SLS mengenai isu masyarakat yang dikongsi dan menyatakan pandangan mereka.	
6. Guru meminta pelajar untuk menyatakan satu perkara menarik tentang cerpen 'Angkara' yang mereka baca. (Lihat Lampiran 1)	
<p>7. Guru menjelaskan tugas yang akan pelajar lakukan secara kumpulan dan pembentukan kumpulan rumah. Guru melaksanakan Aktiviti Jigsaw.</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelajaran Di Sekolah (Synchronous) • Pelajar berkongsi hasil kerja kumpulan
8. Setelah aktiviti jigsaw dilaksanakan, pelajar diminta untuk masuk ke SLS untuk melakukan refleksi secara sendiri. Aktiviti ini boleh dilaksanakan secara sendiri di rumah oleh pelajar.	<ul style="list-style-type: none"> • HBL

Aktiviti Pembelajaran Jigsaw (Pembelajaran di Sekolah – Synchronous)

Tugasan Kumpulan:

- Pelajar perlu menyiapkan satu tugas berkumpulan mengenai tema dan isu masyarakat yang terkandung dalam cerpen 'Angkara' menggunakan kertas sebak.
- Pelajar akan berkongsi hasil kerja kumpulan dan pandangan mereka dengan kumpulan yang lain.

Langkah 1: Pembentukan Kumpulan Rumah

- Guru membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan kecil yang terdiri daripada 4 pelajar bagi setiap kumpulan. Inilah kumpulan rumah. Guru memberikan tugas yang perlu dilakukan oleh kumpulan rumah.
- Dalam setiap kumpulan, setiap pelajar diberikan huruf yang berlainan: A, B, C atau D. Setiap seorang menerima bahagian lampiran yang guru sediakan.
- Pelajar berbincang mengenai peranan mereka dalam kumpulan. (Ketua, pencatat, dll)

Langkah 2: Pembentukan Kumpulan Pakar

- Pelajar meninggalkan 'Kumpulan Rumah' mereka dan membentuk sekumpulan tidak lebih daripada 4 orang, dengan pelajar daripada kumpulan lain yang diberikan huruf yang sama. Artinya, pelajar yang mendapat huruf A akan berkumpul untuk membentuk sebuah 'Kumpulan Pakar A'.
- Tugas Kumpulan Pakar adalah belajar bahagian-bahagian mereka dengan baik dan bersedia untuk mengajar pelajar lain apabila mereka kembali ke 'Kumpulan Rumah'. Guru akan menentukan had masa untuk setiap segmen. Contoh 15 minit.

Langkah 3: Kumpulan Pakar mengajar Kumpulan Rumah

- Pelajar kembali ke Kumpulan Rumah masing-masing. Bermula dengan pelajar A, setiap pelajar mempunyai 3 minit mengajar bahagian jigsaw yang ada pada mereka kepada ahli-ahli Kumpulan Rumah yang lain. Pelajar harus mengajar, dan bukan membaca lampiran. Had masa yang disyorkan untuk segmen ini ialah 15 minit. (Lihat Lampiran 2 mengenai maklumat bagi Kumpulan Pakar)

Langkah 4: Kumpulan Rumah Menyiapkan Tugas

- Kumpulan Rumah akan menyatukan maklumat yang telah mereka kumpulkan dan menyelesaikan tugas yang diberikan. Had masa yang diberikan untuk segmen ini ialah 25 minit.
- Setelah itu, setiap kumpulan membuat pembentangan secara berkumpulan. Pelajar boleh gunakan kertas sebak, PowerPoint atau cara lain untuk menyelesaikan kerja kumpulan. (Lihat Lampiran 3 bagi contoh mengenai kerja kumpulan).
- Guru merumuskan pelajaran dan meminta pelajar menjawab 'Tiga Soalan Perbincangan' yang terdapat dalam Panduan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Antologi Janji bagi cerpen 'Angkara' sebagai tugas lanjutan. Tugas ini boleh disediakan dalam platform SLS.

Lampiran 1

Soalan-soalan Respons Bebas dalam SLS

Soalan: Berikan pandangan kamu mengenai mesej utama yang cuba disampaikan oleh penulis dalam cerpen 'Angkara'?
Soalan: Nyatakan satu isu masyarakat yang kamu kenal pasti dalam cerpen 'Angkara'.
Soalan: Berikan pandangan kamu mengenai isu masyarakat yang dikongsi oleh rakan-rakan kamu. Berikan respons kamu berdasarkan pandangan yang diberikan oleh rakan-rakan yang lain.
Soalan Refleksi: Nyatakan satu perkara yang menarik perhatian kamu setelah membaca cerpen 'Angkara'.

Lampiran 2

Maklumat bagi Perbincangan Menggunakan Aktiviti Jigsaw – Kumpulan Pakar

Kumpulan Pakar A: Sinopsis
<ul style="list-style-type: none">• Cerpen Angkara mengisahkan watak Shahirah dan 'Aku' yang leka dan cuai apabila menggunakan telefon bimbit. Shahirah terlalu fokus berinteraksi dalam WhatsApp dengan kawannya Anita sehingga tidak mendengar dengan teliti pesanan yang disampaikan oleh ayahnya dalam kereta.• Shahirah bersikap acuh tak acuh ketika dalam kereta menyebabkan ayahnya hilang tumpuan ketika memandu. Akibatnya, kereta yang dipandu ayahnya terlibat dalam kemalangan yang meragut nyawa kedua-dua Ibu dan ayahnya.• Begitu juga dengan watak 'Aku'. 'Aku' sedang memandu dalam perjalanan ke tempat kerjanya. Namun, 'Aku' leka dan cuai kerana asyik tertumpu pada mesej-mesej yang diterimanya dalam WhatsApp sehingga menyebabkan dia agak lewat sampai ke tempat kerjanya.• Dalam keadaan terburu-buru, 'Aku' masuk ke lorong sebelah kanan dari bahu jalan untuk meneruskan perjalanannya ke pejabat. Akibatnya, kereta yang dipandu oleh Ayah Shahirah tidak sempat untuk mengelak dan melanggar bahagian depan sebelah kanan kereta 'Aku'. Kemalangan itu menyebabkan Shahirah cedera parah sementara kedua-dua Ibu dan Ayah Shahirah meninggal dunia.

Kumpulan Pakar B: Tema

- Tema besar bagi cerpen ini ialah penyesalan. Shahirah menyesal kerana leka menggunakan telefon bimbit dan tidak memberikan tumpuan pada pesanan yang disampaikan oleh ayahnya. Hal ini menyebabkan Ayah Shahirah marah dan hilang tumpuan semasa memandu.
- Shahirah menyesal kerana leka dengan telefon bimbit sehingga menyebabkan kemalangan berlaku yang meragut nyawa ibu dan bapanya. Akibat kemalangan itu, Shahirah kehilangan Ibu dan ayahnya. Akibatnya, Shahirah menjadi anak yatim piatu dalam usia remaja.
- Dalam cerpen ini watak 'Aku' juga menyesal kerana menyebabkan kemalangan berlaku. Akibat terburu-buru untuk sampai ke pejabat disebabkan keghairahannya untuk membaca dan memberikan respons pada mesej-mesej yang diterimanya dalam WhatsApp, 'Aku' memandu dengan cuai dengan masuk ke lorong kanan dari bahu jalan. Kecuaiannya telah menyebabkan Ayah Shahirah yang memandu dilorong itu tidak sempat untuk mengelak dan berlakulah kemalangan.
- 'Aku' menyesal kerana menyebabkan kemalangan berlaku antara kereta yang dipandunya dengan kereta yang dipandu oleh Ayah Shahirah. Kemalangan itu menyebabkan Ibu dan Ayah Shahirah meninggal dunia. 'Aku' menyesal kerana disebabkan kecuaiannya, Shahirah menjadi anak yatim piatu. Kemalangan itu juga menyebabkan Shahirah terlantar di hospital dengan kecederaan yang teruk dan Shahirah perlu mengambil masa yang lama untuk boleh berjalan. Shahirah juga mengalami kecederaan yang menyebabkan pertuturannya juga terjejas teruk. 'Aku' menyesal menyebabkan semua hal tersebut berlaku disebabkan sikap cuainya.

Kumpulan Pakar C: Mesej

- Cerpen 'Angkara' mengandungi beberapa mesej. Terdapat mesej dominan dan beberapa mesej sampingan yang cuba dipaparkan oleh penulis. Mesej utama yang tersurat ialah pentingnya untuk individu bersikap tidak leka dan cuai dalam apa juga yang dilakukan. Dalam cerpen 'Angkara', kecuaiannya boleh menyebabkan kemalangan, kerugian, kecederaan dan kematian. Dalam hal ini, watak 'Aku' cuai semasa memandu. Ayah Shahirah juga cuai dan hilang tumpuan semasa memandu kerana marah pada Shahirah yang tidak mendengar pesannya. Dalam cerpen ini, watak Shahirah dan 'Aku' leka dengan mesej-mesej yang diterima dalam WhatsApp masing-masing. 'Aku' leka melayan mesej-mesej yang diterima dalam WhatsAppnya tentang rakan-rakan dan keluarganya. Hal ini mengganggu tumpuannya semasa memandu untuk sampai ke tempat kerjanya dengan selamat. Shahirah pula leka melayan mesej daripada kawannya Anita, hingga menyebabkan dia tidak memberikan tumpuan pada pesanan-pesanan yang diberikan oleh ayahnya yang sedang memandu.
- Satu mesej sampingan lain tentang pendidikan. Dalam hal pendidikan anak-anak, ibu bapa perlu memberikan galakkan dan sokongan yang sewajarnya bagi merangsang anak-anak untuk belajar dan membuat pilihan. Ibu bapa perlu mengambil kira kecenderungan, minat dan pilihan anak-anak dalam aspek pendidikan. Memaksa anak-anak untuk mengambil jurusan yang bukan menjadi pilihan dan minat mereka boleh mengakibatkan kesan yang sebaliknya terhadap pembelajaran anak-anak.
- Satu mesej lain ialah pentingnya mengekalkan komunikasi dan hubungan yang baik dengan keluarga dan rakan-rakan. Dalam hal ini, hubungan yang baik dapat dijalin menerusi komunikasi yang jelas. Ini dapat dilihat dalam antara komunikasi 'Aku' dan

isterinya serta hubungan yang dibina untuk membina hubungan yang harmoni antara 'Aku', isterinya dan anak mereka, Anita. 'Aku' juga dilihat cuba mengekalkan hubungan yang baik dengan rakan-rakan lamanya dengan cuba mengentahui perkembangan mereka menerusi perisian WhatsApp.

Kumpulan Pakar D: Isu Masyarakat

- Cerpen 'Angkara' memaparkan beberapa isu masyarakat. Antaranya ialah masalah kesihatan, kewangan, penceraian, keciciran dalam pelajaran, penagihan dadah, ramai anak, dan masalah penjagaan ibu bapa. Isu orang Melayu tak ada rumah, orang Melayu tidur tepi pantai dan isu penceraian dan curang dengan pembantu rumah juga diketengah dalam cerpen ini.
- Masalah kesihatan, ramai anak dan masalah kewangan dikaitkan dengan watak Kassim dalam cerpen ini. Kassim dipaparkan sebagai kawan kepada 'Aku' yang menghidap masalah sakit jantung dan kencing manis. Dua penyakit ini antara masalah kesihatan yang sering dihadapi dan dikaitkan dengan masyarakat Melayu. Kassim ada enam anak dan dia mempunyai masalah kewangan.
- Kes penceraian dilaporkan sebagai antara masalah atau isu masyarakat yang agak ketara dalam kalangann masyarakat Melayu di Singapura. Peratusan kes penceraian dalam kalangan masyarakat Melayu dilaporkan amat tinggi. Isu penceraian dikaitkan dengan watak Salmah) dala cerpen ini.
- Satu isu lagi ialah masalah penjagaan ibu bapa. Dalam cerpen ini ditimbulkan watak Alinah, yang perlu menjaga curu-cucunya kerana kasihan pada anak-anaknya yang sibuk bekerja. Hal ini menyebabkan Alinah tidak punya masa untuk dirinya sendiri. Dalam hal in kebajikan dirinya sebagai ibu terabai dan tidak mempunyai masa rehat untuk dirinya sendiri.

Lampiran 3: Tugas Kumpulan

Kumpulan: _____

ANGKARA

Tema

- _____

- _____

- _____

Isu Masyarakat

- _____

- _____

- _____

- _____

Pandangan kumpulan tentang Cerpen:

SOALAN PERBINCANGAN

1. Jelaskan mesej utama yang ingin disampaikan oleh penulis dalam cerpen 'Angkara'. Mengapakah kamu berpandangan demikian?
2. Berikan pandangan kamu mengenai watak Shahirah dan Aku dalam cerpen ini.
3. Bincangkan pengajaran yang boleh dipelajari daripada cerpen 'Angkara'.

SOALAN JENIS SASTERA

1. 'Angkara' memaparkan watak-watak yang mencerminkan masalah atau isu yang dihadapi dalam masyarakat. Sejauh manakah penulis berjaya mengetengahkan perkara ini.
2. Kupas 'plot' cerpen 'Angkara'. Berikan penilaian kamu mengenai plot yang digunakan oleh penulis.

EHWAL SEMASA

Teknologi berkembang pesat dan membolehkan kita berkomunikasi dan berinteraksi secara langsung dalam talian pada bila-bila masa tanpa mengira tempat. Teknologi telahpun merubah kehidupan kita. Bagaimanakah kita boleh mengimbangi antara keperluan untuk berinteraksi dan berkomunikasi secara dalam talian dan bersemuka? Bincangkan.